



CUKAI PERKHIDMATAN 2018

PANDUAN: TAMAN HIBURAN

Diterbitkan oleh :

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

22 Januari 2019

Penerbitan

Tarikh: 22 Januari 2019

Panduan Perkhidmatan Taman Hiburan pada 9 Januari 2019 ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Perkhidmatan Taman Hiburan yang dikemaskini pada 22 Januari 2019.

Notis Hakcipta

Hak Cipta 2019 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Perundangan Cukai Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
PENGENAAN DAN SKOP CUKAI	1
TERMINOLOGI	1
OPERASI UMUM INDUSTRI.....	2
LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN UNTUK PENGENDALI TAMAN	
HIBURAN	5
PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG YANG BERDAFTAR.....	7
SOALAN-SOALAN LAZIM	9
PERTANYAAN	13
BANTUAN LANJUT DAN MAKLUMAT BERKENAAN SST	13

PENGENALAN

1. Cukai Perkhidmatan adalah cukai kepenggunaan yang ditadbir oleh Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan perundangan subsidiarinya. Tarikh kuat kuasa Akta Cukai Perkhidmatan 2018 adalah 1 September 2018.
2. Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan yang dipanggil "perkhidmatan bercukai".
3. Seseorang yang menyediakan perkhidmatan bercukai yang melebihi nilai ambang yang ditetapkan perlu didaftarkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan dikenali sebagai "orang berdaftar" yang dikehendaki mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang dibekalkan kepada pelanggannya.
4. Panduan ini disediakan untuk membantu anda dalam memahami cukai perkhidmatan yang berkaitan dengan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan taman hiburan.

PENGENAAN DAN SKOP CUKAI

5. Mulai 1 Januari 2019, di bawah Kumpulan I, Butiran 11, Jadual Pertama Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, penyediaan perkhidmatan taman hiburan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

TERMINOLOGI

6. Bagi maksud panduan ini:
 - a) **“Taman Hiburan” (TH)** - tempat yang terdapat apa-apa bangunan, premis atau struktur di atasnya, sama ada secara sementara atau kekal, yang terdapat pelbagai tarikan di dalamnya termasuk tunggangan, permainan, aktiviti yang menyeronokkan, dengan atau tanpa tema, yang orang dibenarkan masuk ke tempat itu dengan caj kemasukan dikenakan.

(Kumpulan I, Butiran 11, Jadual Pertama Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018);

- b) "**Kawasan Khas**" (KK) bermaksud sebarang zon bebas, gudang berlesen dan gudang pengilangan berlesen dan kawasan pembangunan bersama (Seksyen 52, Akta Cukai Perkhidmatan 2018);
- c) "**Kawasan Ditetapkan**" (KD) bermaksud Labuan, Langkawi dan Tioman. (Seksyen 47, Akta Cukai Perkhidmatan 2018)

OPERASI UMUM INDUSTRI

7. Industri hiburan di Malaysia meliputi bidang aktiviti yang luas. Ianya termasuk aktiviti yang menggunakan intelektual, bakat, seni, muzik, kemahiran fizikal atau kemahiran individu yang dipertontonkan atau dipersembahkan kepada penonton.

8. Di bawah Akta Duti Hiburan 1953 (Akta 103) "hiburan" termasuklah apa-apa pameran, persembahan, keseronokan permainan atau sukan atau apa-apa aktiviti yang boleh diisytiharkan sebagai hiburan oleh Menteri Kewangan di bawah subseksyen (2), yang baginya orang dibenarkan masuk dengan bayaran.

9. Berdasarkan Garis Panduan Perancangan Taman Tema 2012 yang diterbitkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, contoh-contoh tema adalah seperti rekreasi, air, hiburan, kebudayaan, seni, pendidikan, safari, cabaran, futuristik dan sebagainya.

10. Jenis-jenis taman tema adalah seperti berikut:

Tema	Aktiviti Utama	Contoh Taman Tema
Rekreasi Air	Menyediakan pelbagai aktiviti rekreasi aktif berasaskan sumber air semula jadi atau buatan	<i>Bangi Wonderland, Sungai Klah Hot Spring Park</i>

Tema	Aktiviti Utama	Contoh Taman Tema
	manusia seperti kolam air panas, tasik, sungai, bekas lombong dan sebagainya.	
Hiburan	Menyediakan pelbagai aktiviti hiburan dan permainan untuk golongan kanak-kanak dan golongan dewasa.	<i>The Cosmo's World, Berjaya Times Square, Movie Animation Park Studio (MAPS), Perak</i>
Budaya dan seni	Taman tema yang berasaskan sumber kebudayaan dan seni yang mempamerkan ketulenan budaya dan kesenian bangsa tertentu yang boleh memberi pendedahan dan pendidikan kepada pengunjung.	<i>Sarawak Cultural Village, Mini Malaysia & ASEAN Cultural Park Melaka</i>
Safari	Taman tema yang berasaskan sumber hidupan liar di mana pengunjung boleh merasai pengalaman berada di dalam zon kawasan hidupan liar seperti burung, harimau, gajah dan sebagainya dalam keadaan terkawal.	<i>Melaka Butterfly and Reptile Sanctuary, Sepilok Orang Utan Rehabilitation Centre</i>
Cabaran / Adventure	Taman tema yang berasaskan sumber cabaran seperti <i>adventure park</i> , <i>extreme park</i> dan sebagainya.	<i>Skytrex Adventure Shah Alam, District 21 IOI City Mall</i>

Tema	Aktiviti Utama	Contoh Taman Tema
<i>Under Water</i>	Taman tema yang berasaskan sumber <i>under water</i> yang boleh memberi pendidikan, pendedahan dan kesedaran terhadap hidupan dan ekologi dalam air.	<i>Underwater Langkawi, KLCC</i> <i>World Aquaria</i>
Pendidikan	Taman tema yang memberi pendedahan dan kesedaran dalam sesuatu bidang pendidikan.	Pusat Sains Negara dan Petrosains KLCC; KidZania Kuala Lumpur - <i>Kids Role-Play Learning Indoor Theme Park</i> .
Musim	Taman tema yang memberi pengalaman dan peluang merasai suasana empat musim (salji, bunga, panas, luruh).	SnoWalk @ i-City Shah Alam; Rumah Iklim Sederhana Empat Musim, Taman Botani Negara, Shah Alam
Gaya Hidup Sihat	Taman tema yang berasaskan gaya hidup sihat dan perkembangan kesihatan untuk golongan dewasa, kanak-kanak dan bayi.	<i>Dreamworld Indoor Play Centre; Gymboree Play & Music; Jumpstreet Asia (Kuala Lumpur)</i>

Nota: Senarai di atas bukan senarai penuh.

11. Taman tema boleh dibangunkan sama ada secara individu (hanya satu tema sahaja) ataupun secara bersepadu (gabungan dua atau lebih tema). Contoh taman tema bersepadu adalah seperti Sunway Lagoon Theme Park, Legoland Malaysia dan *Lost World of Tambun*.

LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN UNTUK PENGENDALI TAMAN HIBURAN

12. Pengendali Taman Hiburan (PTH) adalah mana-mana orang yang mengendalikan atau menjalankan operasi TH. Perkhidmatan PTH adalah perkhidmatan bercukai dengan kadar cukai perkhidmatan 6%.

13. PTH di KK dan KD adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

14. Perkhidmatan bercukai di dalam ruang (2) Kumpulan I, Butiran 11, Jadual Pertama Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 adalah:

- (i) Pemberian semua perkhidmatan termasuk bayaran masuk.
- (ii) Penyediaan atau penjualan makanan dan minuman.

15. Perkhidmatan bercukai adalah termasuk:

- (i) Bayaran masuk samada pas harian dan pas tahunan yang memberi akses kepada semua permainan di dalam TH.

Contoh 1:

Harga yuran kemasukan bagi taman tema air untuk dewasa adalah RM40 seorang manakala kanak-kanak RM20 seorang. Iffah membeli tiket taman tema air dengan harga pakej keluarga (2 dewasa + 2 kanak-kanak) dengan harga RM100.

Pengenaan cukai perkhidmatan 6% kepada Iffah adalah ke atas RM100. Cukai perkhidmatan ke atas pembelian tiket dengan harga promosi atau pembelian secara pukal adalah mengikut nilai yang sebenar di bawah Seksyen 9, Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

- (ii) Pembayaran untuk tunggangan tertentu/ terpilih (*pay-per-ride*) yang tidak termasuk di dalam yuran kemasukan.
- (iii) Caj tambahan untuk pas laluan ekspress.
- (iv) Caj sewaan untuk penggunaan kereta sorong bayi, kerusi roda, pelampung, jaket dan lokar.

Contoh 2:

Caj sewaan pelampung RM20, deposit RM10. Setiap pengunjung yang ingin menyewa perlu membayar RM30 semasa mengambil pelampung tersebut. Semasa pemulangan pelampung, PTH akan mengembalikan deposit RM10 kepada pengunjung. Pengenaan cukai perkhidmatan 6% adalah ke atas caj sewaan RM20.

- (v) Penyediaan atau penjualan makanan dan minuman.

Nota: Senarai di atas bukan senarai penuh.

16. Penjualan barang di kedai cenderahati di dalam TH adalah tidak bercukai. Sekiranya kedai cenderahati tersebut menjual makanan dan minuman, maka penjualan makanan dan minuman tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

17. Butiran di ruangan (2) perkhidmatan bercukai untuk Kumpulan A, B, C, D atau E, Jadual Pertama Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, menyatakan bahawa pemberian mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain dalam Jadual ini. Sebagai contoh, sekiranya TH terletak di dalam sesebuah resort yang mempunyai perkhidmatan bercukai dan berdaftar cukai perkhidmatan di bawah Kumpulan A, maka perkhidmatan PTH adalah termasuk di bawah kumpulan tersebut.


18. Sekiranya di dalam sesebuah resort terdapat premis penginapan dan TH yang dikendalikan oleh orang yang sama, dan kemasukan pengunjung ke TH diberi secara percuma tanpa perlu membayar caj kemasukan kepada pengunjung yang menginap, cukai perkhidmatan ke atas nilai caj kemasukan tidak perlu diakaunkan oleh pengendali premis penginapan di bawah Kumpulan A, Jadual Pertama Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 kerana nilai penginapan telah dikenakan cukai perkhidmatan.

19. Walau bagaimanapun, sekiranya pengendali TH dan premis penginapan adalah entiti yang berbeza, pemberian perkhidmatan percuma oleh TH kepada pelanggan premis penginapan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. PTH hendaklah mengakaun cukai perkhidmatan berdasarkan caj kemasukan biasa yang dikenakan kepada pengunjung.

PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG YANG BERDAFTAR


20. Perkhidmatan TH merupakan satu perkhidmatan bercukai yang mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2019.

21. Bagi tujuan pendaftaran di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018, mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan TH hendaklah membuat pengiraan ke atas jualan perkhidmatan bercukai yang diberikan pada bulan Januari 2019 dan sebelas bulan sebaik sahaja bulan Januari 2019. Sekiranya jumlah nilai perkhidmatan bercukai tersebut melebihi RM500,000, permohonan untuk tujuan pendaftaran perkhidmatan bercukai tersebut hendaklah dipohon tidak lewat dari 28 Februari 2019.



22. Pendaftaran mula berkuatkuasa mulai 1 Mac 2019 seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 13(3), Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan mulai 1 Mac 2019.

23. Mana-mana orang yang menjadi orang berdaftar sebelum 1 Januari 2019 dan memberi perkhidmatan bercukai baru ini di mana nilai perkhidmatan bercukai untuk tempoh Januari 2019 dan sebelas bulan ke hadapan dijangka melebihi RM500,000, permohonan penambahan aktiviti perkhidmatan baru ini hendaklah dibuat sebelum 28 Februari 2019. Cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan baru ini hendaklah dikenakan mulai 1 Mac 2019.



24. Orang berdaftar adalah bertanggungjawab untuk:

- (i) Mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai;

- (ii) Mengeluarkan invoice dan resit kepada pelanggan berkenaan dengan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai;
- (iii) Mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 secara elektronik dan membayar cukai perkhidmatan sebelum tarikh tamat tempoh;
- (iv) Menyimpan rekod yang sewajarnya berhubung dengan transaksi cukai perkhidmatan.

Untuk maklumat lanjut mengenai tanggungjawab orang berdaftar, rujuk kepada **Panduan Umum Cukai Perkhidmatan**.

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. S : Bagaimana untuk menjadi orang berdaftar?

J : Orang kena cukai yang menyediakan perkhidmatan yang dikenakan cukai dan mempunyai perolehan melebihi nilai ambang RM500,000 perlu memohon pendaftaran secara dalam talian dengan mengemukakan borang SST-01 kepada sistem MySST.

2. S : Bagaimanakah cara menghantar penyata dan membuat bayaran cukai?

J : Orang berdaftar perlu mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 dan membuat bayaran melalui elektronik (MySST) dan pos ke Pusat Pemprosesan Kastam di Kelana Jaya. Kaedah pembayaran sama ada cek atau draf bank. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila rujuk Panduan Penyata dan Bayaran.

3. **S : Adakah orang berdaftar perlu mengeluarkan invois?**
- J : Ya. Orang berdaftar perlu mengeluarkan invois ke atas semua transaksi yang dibuat. Orang berdaftar boleh mengemukakan permohonan dan tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah untuk menggunakan lain-lain dokumen bagi tujuan menggantikan invois. Sila rujuk Panduan Umum bagi keterangan lanjut.
4. **S : Pelanggan dikehendaki membeli kad taman hiburan bagi menikmati tarikan di taman hiburan itu. Kad boleh ditambah nilai pada masa diperlukan. Apakah layanan cukai perkhidmatan ke atas kad ini?**
- J : Jualan kad dan seterusnya amaun tambah nilai adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan pada masa pembelian atau penambahan nilai. Cukai perkhidmatan akan hanya dikenakan apabila kad itu digunakan untuk mana-mana tarikan di taman hiburan oleh kerana bayaran bagi setiap tarikan adalah termasuk cukai perkhidmatan.
5. **S : Nilai pada kad tambah nilai adalah termasuk deposit yang boleh dibayar balik apabila kad tersebut dikembalikan. Adakah deposit yang boleh dibayar balik itu tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J : Deposit yang boleh dibayar balik tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana bukan merupakan bayaran untuk sesuatu perkhidmatan.
6. **S : PTH membenarkan orang lain meletakkan mesin hiburan untuk beroperasi di taman hiburannya berdasarkan perkongsian untung. Bagaimana dan siapa perlu mengakaunkan cukai perkhidmatan ke atas pengambilan kutipan hasil dari operasi mesin tersebut?**

J : Pengendali yang dilesenkan untuk mengendali mesin hiburan itu hendaklah mengakaun cukai perkhidmatan ke atas kutipan hasil mesin hiburan itu. Tiada implikasi cukai perkhidmatan ke atas perkongsian untung antara PTH dan pengendali mesin hiburan tersebut.

7. **S : Adakah pas tahunan yang melayakkan ahli masuk tanpa had ke taman hiburan tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Ya, pas tahunan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana ianya merupakan bayaran bagi hak mendapatkan perkhidmatan bercukai.

8. **S : Adakah pungutan yang diambil dari mesin yang dikendalikan oleh duit syiling yang terletak di taman hiburan tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Penyediaan perkhidmatan melalui mana-mana mesin yang dikendalikan oleh syiling, seperti permainan video, mesin layan diri atau mesin makanan ringan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Cukai perkhidmatan akan dikira sebagai pecahan cukai daripada jumlah nilai syiling / token yang dikeluarkan atau dikutip dari mesin.

9. **S : Fatihah merupakan seorang ejen yang mempromosikan tiket taman hiburan kepada orang awam. Adakah beliau dikehendaki memohon untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018?**

J : Fatihah menyediakan perkhidmatan bagi pihak prinsipal kepada pihak ketiga dan memperolehi komisen. Oleh itu, beliau tidak bertanggungjawab untuk didaftarkan kerana perkhidmatan yang diberikan bukanlah merupakan perkhidmatan bercukai.

- 10. S : Harraz seorang PTH. Beliau juga mempunyai tempat letak kereta dan mengenakan yuran parkir kepada pelanggan. Adakah perkhidmatan yang disediakan tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J : Ya, perkhidmatan tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
- 11. S : Fayyadh adalah seorang PTH dan berdaftar cukai perkhidmatan mulai 1 Mac 2019. Beliau telah menjual tiket kemasukan TH kepada pengunjung sebelum perkhidmatan TH tertakluk kepada cukai perkhidmatan (1 Jan 2019). Adakah beliau perlu mengakaun cukai perkhidmatan apabila pengunjung menggunakan tiket tersebut pada atau selepas 1 Mac 2019?**
- J : Berdasarkan Peraturan 3A (c) Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, beliau tidak perlu mengakaun cukai perkhidmatan.

PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan mengenai panduan ini sila hubungi:

Bahagian Cukai Dalam Negeri
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Aras 3 - 7, Blok A, Menara Tulus,
No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,
62100 Putrajaya.

BANTUAN LANJUT DAN MAKLUMAT BERKENAAN SST

Maklumat lanjut tentang SST boleh diperolehi dari:

- (i) Laman web SST : <https://mysst.customs.gov.my>
- (ii) Pusat Panggilan Kastam:
 - Tel: 03-7806 7200 / 1-300-888-500
 - Fax: 03-7806 7599
 - Email: ccc@customs.gov.my

RINGKASAN PINDAAN PADA DOKUMEN

Versi 2 - 22 Januari 2019

Para	Keterangan
Para 20	<p>Menggantikan para 20:</p> <p><i>Perkhidmatan TH merupakan satu perkhidmatan bercukai yang mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2019.</i></p>
Para 21	<p>Memasukkan para 21:</p> <p><i>Bagi tujuan pendaftaran di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018, mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan TH hendaklah membuat pengiraan ke atas jualan perkhidmatan bercukai yang diberikan pada bulan Januari 2019 dan sebelas bulan sebaik sahaja bulan Januari 2019. Sekiranya jumlah nilai perkhidmatan bercukai tersebut melebihi RM500,000, permohonan untuk tujuan pendaftaran perkhidmatan bercukai tersebut hendaklah dipohon tidak lewat dari 28 Februari 2019.</i></p>
Para 22	<p>Memasukkan para 22:</p> <p><i>Pendaftaran mula berkuatkuasa mulai 1 Mac 2019 seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 13(3), Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan mulai 1 Mac 2019.</i></p>
Para 23	<p>Memasukkan para 23:</p> <p><i>Mana-mana orang yang menjadi orang berdaftar sebelum 1 Januari 2019 dan memberi perkhidmatan bercukai baru ini di mana nilai perkhidmatan bercukai untuk tempoh Januari 2019 dan sebelas bulan ke hadapan dijangka melebihi RM500,000, permohonan penambahan aktiviti perkhidmatan baru ini hendaklah dibuat sebelum 28 Februari</i></p>

Para	Keterangan
	<i>2019. Cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan baru ini hendaklah dikenakan mulai 1 Mac 2019.</i>
